

18 MAR 2000

Umno-Bakri

USAHA CALONKAN KU LI JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN GAGAL

MUAR, 18 Mac (Bernama) -- Usaha penyokong Tengku Razaleigh Hamzah untuk mendapatkan pencalonan jawatan Timbalan Presiden Umno pada persidangan perwakilan Umno Bahagian Bakri di sini hari ini gagal apabila tewas melalui undian.

Tengku Razaleigh yang diundi secara pakej bersama ketiga-tiga calon naib presiden dari Johor iaitu Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar bagi jawatan naib Presiden mendapat 148 undi.

Gabungan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan Timbalan Presiden dan tiga calon naib presiden iaitu Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Abdul Ghani dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad mendapat 181 undi.

Sebelum itu, para penyokong Tengku Razaleigh telah bangun meminta agar pengerusi tetap Misbah Majid membuka pencalonan bagi jawatan timbalan presiden serta naib presiden apabila perwakilan meminta agar pencalonan ditutup sebaik sahaja Ketua Umno Bahagian, Senator Datuk Mazlan Abu mencadangkan senarai pencalonan bagi jawatan berkenaan.

Mazlan mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi jawatan presiden manakala Abdullah jawatan timbalan presiden. Tiga nama yang dicalonkannya bagi jawatan naib presiden ialah Najib, Abdul Ghani dan Mohamed Isa.

Seorang perwakilan, Hasan Ghani dari Umno Cawangan Sungai Abong kemudian bangun mencadangkan Tengku Razaleigh untuk bertanding jawatan timbalan presiden manakala Abdul Ghani, Muhyiddin dan Syed Hamid bagi naib presiden.

Pengundian kemudian dijalankan apabila pencalonan itu mendapat sokongan dan berkesudahan kumpulan Tengku Razaleigh tewas dengan majoriti 33 undi.

Sementara itu, Umno Bahagian Bakri turut mencalonkan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah bagi jawatan pengerusi tetap manakala Datuk Shafie Yahya sebagai timbalan.

-- BERNAMA

SO MKO RI